

PENSWASTAAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM

1. Latar Belakang Pelaksanaan penswastaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Semenanjung Malaysia?

- (a) Pada September 1995, Jemaah Menteri telah bersetuju supaya Pengurusan Sisa Pepejal seluruh Negara yang di bawah seliaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) diswastakan. Penswastaan dipersetujui dibahagikan mengikut zon iaitu zon utara, zon selatan, zon tengah, zon Sarawak dan Zon Sabah. Cadangan penswastaan berjalan di Semenanjung Malaysia, namun ianya tidak dapat diteruskan di Sabah dan Sarawak disebabkan perbezaan perundangan;
- (b) Keputusan penswastaan tersebut dibuat berdasarkan kajian menyeluruh dibuat ke atas keupayaan PBT untuk mengurus sisa pepejal dan pembersihan awam. Kerajaan mendapati kebanyakan PBT kekurangan dari segi kewangan, kepakaran dan juga sumber manusia untuk memberikan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang berkualiti;
- (c) Seterusnya, Jemaah Menteri pada April 1998 bersetuju supaya dijalankan penswastaan interim di beberapa buah negeri di Semenanjung sementara menunggu penswastaan penuh dilaksanakan. Penswastaan interim ini telah berjalan hampir 14 tahun. Tempoh penswastaan interim yang lama ini telah menyukarkan syarikat konsesi untuk mendapatkan pembiayaan daripada Institusi Kewangan dan seterusnya mempengaruhi tahap perkhidmatan yang diberikan.

2. Bilakah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672) diluluskan dan diwartakan?

Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672) telah diluluskan oleh Parlimen dan diwartakan pada tahun 2007 bagi menyediakan

ruang perundangan bagi mengawal selia pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Akta ini memberi kuasa eksekutif kepada Kerajaan Persekutuan bagi perkara yang berhubungan dengan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di seluruh Semenanjung Malaysia, Wilayah-wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan.

3. Siapakah yang bertanggungjawab bagi memastikan Akta 672 dikuatkuasa dengan sebaiknya?

Kerajaan telah menubuhkan dua (2) Agensi iaitu Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam bagi memastikan Akta 672 dikuatkuasakan dengan sebaiknya dan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam diurus dengan teratur dan sistematik.

4. Berapa kali kutipan sisa pepejal domestic yang akan dibuat oleh Syarikat Konsesi di bawah penswastan penuh kelak?

Di bawah penswastan penuh kelak, kutipan sisa pepejal domestic akan dibuat tiga (3) kali seminggu dimana sisa organik seperti sisa makanan dan lain sisa pepejal yang tidak boleh dikitar semula akan dikutip sebanyak dua (2) kali. Manakala satu (1) kali kutipan akan digunakan untuk mengutip sisa pukal, sisa kebun dan sisa yang boleh dikitar semula. Ini bagi memastikan aktiviti pengasingan di punca dapat dijalankan dengan berkesan.

5. Bagaimanakah pemantauan yang akan dibuat oleh Kerajaan bagi memastikan kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh Syarikat Konsesi berada pada tahap yang memuaskan?

Kerajaan mewujudkan KPI dan telah dimasukkan ke dalam Perjanjian Konsesi bagi memastikan penswastan ini membuahkan hasil yang dikehendaki iaitu kualiti pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang tinggi. KPI ini terbahagi kepada KPI primer dan sekunder mengikut betapa seriusnya

kesalahan. Umpamanya, titisan air leachate daripada lori kompaktor dianggap sebagai kesalahan berat dan terjatuh di bawah KPI primer yang akan menyebabkan syarikat konsesi dikenakan denda dan *point deduction*, manakala kesalahan kecil seperti tidak menutup kembali tong sampah dikira sebagai kesalahan sekunder yang hanya menyebabkan syarikat konsesi dikenakan denda.

6. Bagaimanakah pemantauan pematuhan KPI ini akan dibuat?

Pemantauan pematuhan KPI ini akan dilaksanakan oleh pihak Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dimana dengan seramai 600 orang pegawai dan pembantu penguatkuasa akan mengawal selia pematuhan KPI ini menggunakan Sistem Handheld yang telah dibangunkan dan setiap kesalahan akan direkodkan secara online setiap hari. Setiap kesalahan yang dilakukan akan direkod dengan butir-butir gambar, masa, tempat dan rekod kenderaan.

7. Bagaimanakah pelaksanaan KPI penswastaaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam ini akan dilaksanakan?

(a) Pelaksanaan KPI penswastaaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam akan dijalankan secara berperingkat mengikut kawasan yang telah dipersetujui oleh Syarikat Konsesi dengan pihak Kerajaan. Dalam tahun pertama pelaksanaan penswastaaan iaitu peringkat *transition*, KPI penswastaaan penuh tidak dilaksanakan. Ini adalah kerana KPI bergantung rapat dengan pengagihan tong sampah baru dan penggunaan kenderaan baru. Bagaimanapun dijangka terdapat sedikit peningkatan mutu perkhidmatan kerana Syarikat Konsesi akan dibayar yuran transisi yang lebih baik daripada kadar sekarang secara umumnya;

(b) Pada tahun kedua, 30% daripada PBT akan mempunyai tong sampah dan lori baru dan KPI baru akan berkuatkuasa di kawasan berkenaan, manakala pada tahun ketiga 75% kawasan PBT akan dikuatkuasakan dengan KPI baru dan tahun keempat KPI baru akan dikenakan kepada kesemua PBT.

8. Bayaran caj kepada Syarikat Konsesi?

- (a) Kerajaan menyediakan satu kadar caj yang kompetitif dan lebih tinggi berbanding kadar caj yang dibayar oleh Pihak Berkuasa Tempatan dahulu. Kadar caj yang lebih tinggi ini mengambil kira kos modal, kos operasi, kadar inflasi dan daya maju konsesi ini;
- (b) Kerajaan juga sedar terdapat banyak PBT yang tidak mampu dengan pendapatan kutipan cukai tahunan kurang daripada RM10 juta setahun. Justeru itu, Kerajaan akan terus membantu PBT-PBT ini dalam bentuk pemberian bantuan kewangan walaupun selepas penswastaan penuh berjalan;
- (c) Selepas penswastaan penuh berjalan, urusan pembayaran akan dibuat oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA). PBT perlu menyalurkan sejumlah wang seperti yang dibayar kepada syarikat kontraktor sebelum ini kepada PPSPPA. PPSPPA kemudiannya setelah menyemak prestasi perkhidmatan yang diberikan oleh Syarikat Konsesi akan membuat bayaran.

9. Bagaimana pengurusan aduan daripada orang awam akan dilaksanakan?

- (a) Bagi menangani aduan orang awam kelak, Kerajaan di dalam Perjanjian Konsesi telah memperuntukkan mengenai pewujudan satu '*call centre*' untuk menerima dan mengurus aduan dan pertanyaan berkaitan perkhidmatan kutipan dan perkhidmatan pembersihan awam. '*Call centre*' tersebut akan beroperasi setiap hari daripada 6.00 pagi sehingga 12.00 tengah malam;
- (b) '*Call centre*' atau Sistem Aduan ini telah diwujudkan dan telah diintegrasikan dengan ketiga-tiga Syarikat Konsesi. Satu nombor aduan bebas tol untuk seluruh negara **1-800-88-7472** telah disediakan.